



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**GURU (G.8)  
JABATANARAH AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**GURU**  
**JABATANARAH AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**  
**KEMENTERIAN PERTAHANAN**  
**G.8 (\$1,600 - \$3,260 EB KHAS \$3,345 - \$3,685 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Perguruan Ugama atau bidang bersesuaian.*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Guru atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan. Bagi yang belum mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan hendaklah menjalani Latihan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh dilantik ke jawatan ini

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjadi tenaga pengajar dan mengendalikan kelas-kelas / kursus-kursus yang dirancang di dalam setiap kem Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB);
2. Menjalin hubungan baik dengan imam, bilal, pengawas dan pengurus surau dan sentiasa bekerjasama dalam mengendalikan suka-duka di dalam kem masing-masing;



3. Berhubung rapat dengan Garisan Ejutan / pihaknya yang bertanggungjawab dalam hal ehwal keugamaan di kem masing-masing;
4. Menyediakan dan mengkaji semula rancangan tahunan bagi penambahbaikan beserta peruntukan yang diperlukan;
5. Menyusun jadual mengajar, skim tahunan pengajaran, rancangan pengajaran mingguan termasuk isi pelajaran dan kaedah pengajaran serta catatan perkembangan individu pelajar;
6. Berhubung rapat dengan guru-guru ugama kem lain bagi penyelarasan isi pengajaran;
7. Menyediakan buku catatan kedatangan harian, keluar masuk pejabat dan catatan kehadiran pelawat;
8. Melaksanakan tuagasan yang diamanahkan dan diarahkan oleh pegawai atasan dengan cekap, lutanan, cepat dan menepati waktu yang dikehendaki dari semasa ke semasa di dalam dan luar waktu bekerja; dan
9. Bersedia bertugas di luar waktu bekerja apabila diperlukan dan dikehendaki.